

**Jenis Akhbar** : Utusan TV

**Tarikh** : 23/05/2022

**Edisi / Muka Surat** : <https://utusan.com/>

**Tajuk** : *Kerjasama ANGKASA, IFFCO tumpu kepada bekalan baja nano harga berpatutan*

## **Kerjasama Angkasa, IFFCO tumpu kepada bekalan baja nano harga berpatutan**



**Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah**

KERJASAMA antara Angkasa Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dengan Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO) akan tertumpu kepada usaha mendapatkan bekalan baja nano pada harga berpatutan.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, tumpuan itu diberikan memandangkan IFFCO merupakan koperasi terbesar di dunia.

“Kerjasama yang akan dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU) pada bulan Jun nanti akan menjadi titik permulaan kepada lebih banyak peluang kerjasama antara kedua-dua belah pihak dalam pelbagai bidang ekonomi.

“Kunjungan hormat delegasi IFFCO menunjukkan keyakinan koperasi dari luar negara terhadap kemampuan Angkasa dan barisan kepimpinannya dalam membangun dan menggerakkan perniagaan koperasi di negara ini,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, Angkasa memandang serius akan kepentingan mengekalkan hubungan baik dengan koperasi dari luar negara dalam dunia pasca pandemik.

Jelas beliau, hal itu memandangkan ia adalah antara usaha untuk kekal relevan di mata anggota dan masyarakat.